

## INTEGRASI ELEMEN AL-TAZKIYAH DALAM PENDIDIKAN: IMPLIMENTASI MUHAMMAD DIRAZ MENERUSI AL-NABA' AL-'AZIM

*The Integration Of Al-Tazkiyah In Education: Insights From Muhammad Draz's  
Al-Naba' Al-'Azim*

\*Muhammad Hanif Ali<sup>1</sup>, Mohd Faez Ilias<sup>1</sup>, Mohd Izzudin Mohd Pisol<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [hanif@uis.edu.my](mailto:hanif@uis.edu.my)

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
17-Feb-2026	24-Feb-2026	30-Apr-2026	30-Jun-2026

### Abstrak

*Al-Naba' al-'Azim* adalah salah satu karya monumental yang telah ditulis oleh Muhammad Diraz (1894-1957M), seorang sarjana al-Quran berwibawa dari al-Azhar. Karya ini telah dimanfaatkan sebagai bahan pengajaran dalam subjek Tafsir menerusi kuliah-kuliah beliau di institusi tinggi tersebut. Oleh kerana pendidikan Islam seperti yang dijelaskan dalam al-Quran haruslah berasaskan kepada tiga tunjang utama iaitu *al-tilawah*, *al-tazkiyah* dan *al-ta'lim*, dan didapati Diraz turut menekan aspek *al-tazkiyah*, maka artikel ini berusaha untuk mengenal pasti bagaimanakah beliau memplementasikannya dalam pendekatan pengajarannya. Penelitian ini dilaksanakan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah induktif dan deduktif bagi mengenal pasti pendekatan yang digunakan. Menerusi penelitian, didapati Diraz telah melakukan integrasi elemen *al-tazkiyah* dalam dua pendekatan iaitu menyatakan dengan jelas matlamat *al-tazkiyah* dalam penulisan dan yang kedua, menggabungkan jalin topik-topik perbincangan bersandarkan kepada objektif *al-tazkiyah*.

**Kata kunci:** Al-Tazkiyah, Model Integrasi, Al-Naba' al-'Azim

### Abstract

*Al-Naba' al-'Azim* is one of the monumental works authored by Muhammad Abdullah Draz, a distinguished Qur'anic scholar from Al-Azhar. This work was employed as a teaching resource in Tafsir courses through his lectures at the institution. Since Islamic education, as outlined in the Qur'an, is founded upon three principal pillars: *al-tilawah* (recitation), *al-tazkiyah* (spiritual purification) and *al-ta'lim* (instruction), and given that Draz placed considerable emphasis on the dimension of *al-tazkiyah*, this article seeks to examine how he implemented this element within his pedagogical approach. The study adopts a qualitative design and employs both inductive and deductive methods to identify the approaches utilised by Draz. The findings reveal that Draz integrated *al-tazkiyah* into his educational framework through two main approaches: first, by explicitly articulating the objectives of *al-tazkiyah* in his writings; and second, by interrelating and structuring discussion topics in accordance with the objectives of *al-tazkiyah*. These findings highlight the central role of spiritual purification in Draz's educational thought and demonstrate its integration within Qur'anic teaching and learning.

**Keywords:** Al-Tazkiyah, Integration Model, Al-Naba' al-'Azim

## 1.0 PENDAHULUAN

Perbincangan tentang pendidikan sering menumpukan aspek penyampaian ilmu dan pemindahan maklumat, sedangkan al-Quran meletakkan satu kerangka yang

lebih menyeluruh terhadap fungsi pendidikan melalui tiga tunjang utama iaitu al-tilāwah, al-ta'lim dan al-tazkiyah. Susunan ini bukan sekadar urutan lafaz, malah menggambarkan tingkatan pembinaan insan yang bermula dengan pembacaan wahyu, diikuti pengajaran ilmu dan memuncak pada proses penyucian jiwa. Hakikat ini ditegaskan berulang kali dalam al-Quran seperti dalam Surah al-Baqarah (2:129, 2:151), Surah Ali 'Imran (3:164) dan Surah al-Jumu'ah (62:2). Tazkiyah dalam konteks ini merujuk kepada proses pembersihan dalaman yang menghasilkan pertumbuhan rohani, intelektual dan akhlak dalam diri manusia.

Dalam realiti pendidikan kontemporari, elemen tazkiyah sering berada di pinggir perbincangan pedagogi. Kurikulum disusun dengan penekanan kepada hasil pembelajaran kognitif dan penguasaan kemahiran (Ayesha. 2024), sedangkan pembinaan keyakinan terhadap kebenaran wahyu, kejernihan jiwa dan pembentukan pandangan alam jarang diangkat sebagai matlamat terancang dalam proses pengajaran (Nurulhayati et al., 2025). Keadaan ini menimbulkan jurang antara struktur pendidikan yang digariskan al-Quran dengan amalan pendidikan yang dilaksanakan.

Justeru, artikel ini meneliti bagaimana elemen tazkiyah boleh diintegrasikan secara tersusun dalam perbincangan ilmu melalui penelitian terhadap pendekatan seorang sarjana al-Quran yang menampilkan integrasi antara perbincangan ilmiah dengan pembinaan spritual pelajar.

## 2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam tradisi keilmuan Islam, terdapat tokoh yang tidak memisahkan perbincangan ilmiah daripada tujuan tazkiyah, antaranya Imam al-Ghazali (m. 505H) dan Imam al-Nawawi (m. 676H). Al-Ghazali melalui magnum opusnya iaitu *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* telah menggabungkan pelbagai disiplin ilmu seperti fiqh, akidah dan usul dengan penekanan terhadap pembinaan akhlak. Manakala al-Nawawi pula dalam *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* dan *al-Adhkār* menyusun hadis dan amalan dengan fokus kepada disiplin ibadah dan kejernihan spritual.

Berbeza dengan Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz (m. 1957M), seorang sarjana al-Quran dari al-Azhar yang terkenal dengan pendekatan analitikal dan rasional terhadap pembuktian kebenaran al-Quran, namun bertujuan pada akhirnya kepada matlamat al-tazkiyah. Karya beliau *al-Naba' al-'Azīm: Naẓarāt Jadīdah fī al-Qur'ān* pada asalnya merupakan teks syarahan universiti yang bertujuan membimbing pelajar memahami hakikat al-Quran melalui pendekatan sejarah, fitrah kemanusiaan, struktur bahasa dan susunan makna. Walaupun karya ini dikenali sebagai teks dalam bidang 'Ulum al-Quran, penelitian mendalam menunjukkan bahawa keseluruhan perbincangannya disusun dengan satu matlamat yang konsisten, iaitu membina keyakinan dalaman pembaca terhadap kebenaran wahyu.

Pendekatan Diraz ini memperlihatkan satu bentuk integrasi antara perbincangan ilmiah dan proses tazkiyah. Fakta sejarah, analisis psikologi, perbincangan sastera dan penelitian struktur al-Quran tidak dibentangkan sebagai maklumat yang terpisah, tetapi digabungkan untuk menghasilkan kesan penyucian pemikiran daripada syubhah dan penyucian jiwa daripada keraguan. Dengan kata lain, perbincangan akademik berfungsi sebagai wahana tazkiyah.

Walaupun karya ini dikenali dalam bidang 'Ulum al-Quran (Al-Dhahabi, 1976; Rashwānī, 2009; Faḍl, 2016), penelitian mendalam menunjukkan bahawa keseluruhan perbincangannya disusun dengan matlamat membina keyakinan dalaman pembaca terhadap kebenaran wahyu. Fakta sejarah, analisis psikologi, perbincangan sastera dan penelitian struktur al-Quran tidak dibentangkan sebagai maklumat terpisah,

tetapi digabungkan untuk membersihkan pemikiran daripada syubhah dan jiwa daripada keraguan. Perbahasan akademik berfungsi sebagai wahana tazkiyah.

Bahkan, aspek pedagogi yang terkandung di dalamnya, khususnya aspek integrasi elemen tazkiyah dalam pendekatan pengajaran, kurang diberikan perhatian dalam kajian pendidikan Islam. Jurang ini membuka ruang untuk pengkaji meneliti bagaimana tazkiyah diimplementasikan melalui susunan hujah, pemilihan contoh dan pembinaan aliran perbahasan yang terancang.

### 3.0 SOROTAN KAJIAN

#### 3.1 Diraz Sebagai Ilmuwan dan Pendidik

Beliau adalah Muḥammad bin 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Hasanayn bin Muṣṭafā Dirāz (Al-Zirikli, 2002) dan dilahirkan pada 10 Jamadi al-Awwal 1312H bersamaan 8 November 1894M di Mahallah Diyay, sebuah kota kecil di perlembahan Sungai Nil. Sewal usia sepuluh tahun, Diraz berjaya menyempurnakan hafazan al-Quran sebagaimana tradisi para ilmuwan Islam yang lain. Selain itu, kecerdasannya mula terserlah apabila beliau menduduki tempat pertama dalam peperiksaan al-Shahādah al-Thānawiyah al-Azhariyyah pada tahun 1912. Pada usia 22 tahun, beliau dianugerahkan Shahādah al-'Ālimiyyah al-Nizāmiyyah, satu pencapaian yang membolehkan beliau dilantik sebagai tenaga pengajar di Ma'had al-Iskandariyyah al-Dīnī.

Seterusnya pada 16 September 1928, ketika berusia 34 tahun, beliau telah dilantik oleh Syaikh Muhammad al-Maraghi sebagai tenaga akademik di Universiti al-Azhar. Kemudian pada 18 Julai 1931, sewaktu Fakulti Usuluddin ditubuhkan, beliau diberikan tanggungjawab untuk mengajar dalam bidang Tafsir. Dedikasi beliau dalam dunia pendidikan menarik perhatian Syaikh Muhammad al-Maraghi yang seterusnya mencalonkan beliau untuk melanjutkan pengajian di Universiti Sorbonne dengan sokongan dana daripada Raja Fuad I.

Dalam persediaan untuk menulis tesis kedoktoran, beliau terlebih dahulu mendalami disiplin ilmu falsafah, logik dan psikologi Barat yang membawanya memperoleh Licentiate Degrees of Arts dari Universiti Sorbonne pada tahun 1940. Pada 15 Disember 1947, beliau membentangkan dua tesisnya iaitu *Initiation au Coran* sebagai kajian pendahuluan dan *Morale du Coran* sebagai kajian utama di hadapan orientalis ternama seperti Louis Massignon dan Évariste Lévi-Provençal. Mengenakan jubah tradisional al-Azhar, beliau berjaya meraih Ijazah Kedoktoran Kelas Pertama selepas empat jam sesi viva, dengan seorang penyemak sempat bergurau, "Seakan-akan kamu ingin mempengaruhi kami kepada Islam!" (Mustafa, 2007).

Setelah kembali ke Mesir pada tahun 1948, beliau meneruskan khidmat sebagai pensyarah dalam mata pelajaran Falsafah Akhlak di Fakulti Usuluddin dan Fakulti Bahasa Arab, Universiti al-Azhar. Di samping itu, beliau turut mengajar Sejarah Keagamaan di Fakulti Sastera, Universiti Kaherah serta mengendalikan pengajaran Tafsir di Fakulti Dar al-'Ulum, Universiti Kaherah dan Fakulti Bahasa Arab, Universiti al-Azhar. Puncak perjalanan akademiknya tercapai apabila beliau dilantik sebagai anggota Jama'ah Kibar al-Ulama pada tahun 1949.

Sekalipun berada di kemuncak kerjaya dan kejayaan, beliau tetap konsisten dalam berpegang kepada prinsip. Selepas kejayaan Revolusi 1952, Jamal 'Abd al-Nasir telah menawarkan jawatan Syaikh al-Azhar kepada beliau (Mustafa, 2010). Namun tawaran tersebut ditolak setelah syarat-syarat yang beliau tetapkan termasuk diberi kuasa autonomi dalam usaha pembaharuan al-Azhar tidak dapat diterima oleh pihak pemerintah. Dalam peristiwa cubaan pembunuhan Jamal 'Abd al-Nasir

pada tahun 1954, di mana al-Ikhwan al-Muslimun menjadi pihak yang dituduh, beliau tetap teguh dengan pendiriannya. Walaupun pemerintah mendesak ulama al-Azhar untuk mengutuk pertubuhan tersebut, beliau menolak dengan alasan bahawa beliau tidak dapat menyokong tuduhan tanpa bukti terhadap golongan yang dikenal sebagai pendokong Islam.

### 3.2 Al-Naba' al-'Azim Sebagai Teks Syarahan

Judul lengkap bagi karya ini ialah al-Naba' al-'Azīm: Nazarāt Jadīdah fī al-Qur'ān. Proses penulisan beliau berlaku dalam dua peringkat dengan jarak masa yang signifikan. Pada tahun 1933, fasa pertama diselesaikan oleh Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz di mana penulisan tersebut merupakan hasil daripada siri-siri syarahan universiti beliau dan dijadikannya sebagai bahan pengajaran (Diraz, 2013). Beliau menyatakan bahawa pelajar-pelajarnya amat menantikan setiap bahagian baru daripada karya tersebut, yang memberikan beliau semangat untuk terus menulis walaupun penulisan beliau belum selesai sepenuhnya. Malangnya, kesibukan kerja rasmi serta tempoh panjang beliau bermusafir ke Perancis selama hampir dua belas tahun mengakibatkan usaha ini tertunda untuk suatu tempoh yang lama.

Setelah hampir dua dekad tertunda, beliau mengambil langkah untuk meneruskan penulisan tersebut dan berjaya menyelesaikannya pada Mac 1957. Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan bahawa versi yang disiapkan itu berbeza dengan karya sebelumnya. Dalam penulisan pertama, beliau menggunakan laras bahasa yang lebih tertumpu pada kalangan akademik (al-thaqāfah al-jāmi'iyyah), sementara dalam penulisan yang baharu, beliau memilih laras bahasa yang lebih sesuai dengan masyarakat umum dan meluas (al-thaqāfah al-'ālamīyyah).

Dalam kata pengantar beliau terhadap karya intelektual inspiratif, Malik Bennabi iaitu al-zāhirah al-Qur'āniyyah yang dianggapnya sebagai memiliki metodologi yang hampir sama dengan karyanya beliau iaitu al-Naba' al-'Azīm (Ibn Nabi, 2010) menegaskan bahawa pentingnya memperbaharui semangat penyampaian dengan menggunakan bahasa yang relevan dengan perkembangan zaman. Beliau menyebut bahawa usaha yang bermakna ini hanya terhasil apabila lima elemen ini digabungkan iaitu kesinambungan antara akal dan keupayaan memahami teks klasik, keimanan yang kukuh, kebijaksanaan yang mendalam, penggunaan kosa kata yang terkini serta kaedah penelitian yang menarik.

Tuntasnya Muhammad Abdullah Diraz menegaskan bahawa karya ini tidak sekadar bertujuan menambah maklumat untuk dihafal tanpa usaha pengembangan. Sebaliknya, ia bertujuan memberikan panduan bagi perbincangan dialektik untuk merangsang kesedaran dalam kalangan pembaca, terutama intelektual muda, agar mereka dapat melakukan pertimbangan akhlah dengan tulus dan sistematik.

Dari sudut kandungan, karya al-Naba' al-'Azim merupakan penulisan yang penting dalam perbahasan ilmu al-Quran di mana penulis berusaha untuk membuktikan bahawa al-Quran bebas dari sebarang masuk campur dari mana-mana makhluk. Penulis juga mendakwa bahawa pendekatan yang digunakan adalah baharu dan tidak pernah digunakan oleh ilmuwan sebelumnya. Dalam karya tersebut, Diraz telah mengupas perkara berkenaan dari sudut konsistensi fakta sejarah dan fitrah manusia dengan kebenaran al-Quran serta ketinggian nilai sastera dan ketelitian struktur kandungan al-Quran yang sama sekali tidak dapat ditandingi oleh manusia.

### 3.3 Al-Tazkiyah sebagai Dasar dan Wahana Pendidikan

Selain al-tilawah dan al-ta'lim, al-tazkiyah merupakan salah satu dari kerangka pendidikan yang dibawakan oleh Baginda SAW (Majid 'Arsan, 1995) sebagaimana yang dijelaskan secara spesifik dalam ayat-ayat berikut:

رَبَّنَا وَأَبْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْنَا آيَاتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُزَكِّيهِمْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

[al-Baqarah 2:129]

Maksudnya: Wahai Tuhan Kami! Utuslah kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayatMu (firmanMu) dan mengajarkan mereka isi kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنْكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ

[al-Baqarah 2:151]

Maksudnya: (Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat) dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

[Ali- 'Imran 3: 164]

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatNya) kepada orang-orang yang beriman, setelah Dia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya) dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syariat) dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.


هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

[al-Jumu'ah 62: 2]

Maksudnya: Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak) dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

Adapun mengenai takrifan al-tazkiyah itu sendiri dari sudut bahasa, ia membawa dua pengertian yang boleh digambarkan sebagai tindakan serta hasil. Ibn Manzur (1967) menjelaskan maksud al-tazkiyah yang pertama adalah penyucian (tindakan) dan yang kedua, percambahan atau pertumbuhan yang merupakan hasil daripada tindakan tersebut. Dalam perspektif syarak, ahli tafsir seperti al-Tabari (2001) memberikan takrif al-tazkiyah sebagai proses penyucian manusia dari syirik dan penyembahan berhala, serta pembangunan dan pengukuhan ketaatan kepada Allah. Namun menurut Majid 'Arsan (1995), takrif ini masih terhad kerana hanya memberi tumpuan kepada aspek individu dan ibadah, sedangkan al-tazkiyah sepatutnya meliputi seluruh dimensi insan yang terdiri daripada akal, jiwa dan jasad.

Demikian menurut Al-Sayyid (2021), terdapat dua faktor utama yang mencabar proses al-tazkiyah dalam diri manusia iaitu syubhah dan syahwat. Syubhah merujuk kepada keraguan dalam pemikiran dan kepercayaan yang akhirnya dapat menggugat keyakinan terhadap kebenaran. Manakala syahwat pula wujud dalam dua bentuk, iaitu syahwat jasad yang berkaitan dengan anggota tubuh seperti mata, mulut dan kemaluan, serta syahwat hati yang melibatkan perasaan negatif seperti iri hati, sombong, tamak, bakhil dan keinginan yang berlebihan.



Rajah 1 Kerangka Pendidikan Menurut al-Quran

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen yang tertumpu kepada karya al-Naba' al-'Azim: Nazarāt Jadīdah fī al-Qur'ān oleh Muḥammad 'Abd Allāh Dirāz sebagai sumber primer. Data turut disokong oleh sumber sekunder seperti buku, artikel jurnal dan kajian ilmiah yang berkaitan dengan pemikiran Diraz, konsep al-tazkiyah serta pendidikan al-Quran. Pengumpulan data dilaksanakan melalui analisis kepustakaan dengan meneliti teks secara berulang dan sistematik untuk mengenal pasti unsur berkaitan al-tazkiyah, pembentukan insan serta pendekatan pentafsiran. Semua data kemudian direkodkan dan disusun mengikut unit makna bagi tujuan analisis lanjut.

Analisis data dijalankan menggunakan pendekatan induktif dan deduktif secara bersepadu dengan berpandukan kerangka konsep pendidikan yang bertunjangkan kepada al-tilāwah, al-ta'lim dan al-tazkiyah. Pendekatan induktif digunakan untuk mengenal pasti tema dan corak dalam teks Diraz, manakala pendekatan deduktif mengaitkan dapatan tersebut dengan konsep al-tazkiyah

yang digariskan dalam al-Quran serta literatur pendidikan Islam. Data seterusnya dikategorikan kepada tema seperti matlamat al-tazkiyah, pendekatan pentafsiran, dan integrasi nilai tazkiyah dalam perbincangan sejarah, fitrah manusia dan struktur al-Quran. Proses ini membolehkan analisis dilakukan secara sistematik bagi memahami integrasi elemen al-tazkiyah dalam wacana ilmu al-Quran.

## 5.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Menerusi penelitian terhadap keseluruhan kandungan al-Naba' al-'Azim, didapati Diraz melakukan integrasi elemen al-tazkiyah dalam dua pendekatan atau strategi iaitu menyatakan dengan jelas matlamat al-tazkiyah dalam penulisan dan yang kedua, menggabung jalin topik-topik perbincangan bersandarkan kepada tujuan al-tazkiyah.

### 5.1 Strategi Pertama: Penetapan objektif yang jelas berkenaan elemen al-tazkiyah.

Strategi pertama yang dapat dikesan dalam penetapan objektif penulisan Diraz ialah pembinaan matlamat yang jelas terhadap elemen al-tazkiyah sebagai asas dalam pendidikan. Dalam pendahuluan karya beliau, Diraz tidak sekadar memperkenalkan teks sebagai wacana ilmiah, tetapi mengarahkannya kepada fungsi pembinaan insan yang berteraskan penyucian pemikiran dan pengukuhan keyakinan terhadap wahyu. Beliau menyatakan:

أردت أن.. أرفع النقاب عن جانب من الحقائق المتصلة به وأن أرسم الخطة التي ينبغي سلوكها في دراسته.. راجياً بذلك أن تنفتح لها عيون الغافلين؛ فيجدوا نورهم يسعى بين أيديهم وبأيمانهم، وأن تنشرح بها صدور المؤمنين، فيزدادوا إيماناً إلى إيمانهم.

[Muhammad Diraz, 2013]

Maksudnya: Menerusi penulisan ini, saya berhasrat menyingkap sebahagian hakikat yang berkaitan dengan al-Quran serta merangka pendekatan yang perlu diikuti dalam kajiannya. Harapannya agar golongan yang lalai tersedar dan menemui cahaya petunjuk dalam kehidupan mereka, manakala para mukmin menjadi lebih tenang serta bertambah keimanan mereka.

Kenyataan ini menunjukkan bahawa objektif Diraz melangkaui kefahaman teks semata-mata. Penekanan kepada “menyingkap hakikat” dan “merangka jalan kajian” menandakan *al-tazkiyah* sebagai proses intelektual yang membersihkan kekeliruan pemikiran, di samping memperkukuh orientasi iman. Al-Quran diletakkan sebagai sumber pembentukan kesedaran epistemik dan spiritual secara serentak.

Penegasan ini diperkuat melalui kata aluan beliau terhadap karya *Al-zāhirah al-Qur'āniyyah* oleh Ibn Nabi (2000) yang disifatkan menggunakan metodologi serta menghasilkan dapatan yang hampir sejalan dengan *al-Naba' al-'Azīm*. Melalui perbandingan ini, Diraz menegaskan bahawa kajian terhadap al-Quran tidak wajar terhenti pada kesimpulan sarjana terdahulu. Perkembangan ilmu sains alam dan kemanusiaan sentiasa mengubah sudut pandang manusia, lalu menuntut pembaharuan cara memahami wahyu. Di sini, al-tazkiyah tidak hanya merujuk kepada penyucian jiwa, tetapi penyucian cara berfikir agar sentiasa segar dalam mendekati teks wahyu.

Beliau turut menegaskan kepentingan memperbaharui semangat penyampaian berdasarkan bahasa semasa. Usaha ini, menurut Diraz, memerlukan pertemuan lima unsur: hubungan akal dengan kefahaman teks klasik, akidah yang mendasar, hikmah yang halus, perbendaharaan kata yang sesuai dengan zaman, serta pendekatan yang berseni. Gabungan ini memperlihatkan bahawa al-tazkiyah dalam kerangka beliau melibatkan pemurnian instrumen intelektual yang digunakan ketika berinteraksi dengan al-Quran.

Pada akhirnya, Diraz merumuskan bahawa penulisan ini bukan bahan bacaan yang sekadar menambah maklumat untuk dihafal. Ia bersifat preskriptif, mendorong pembaca terlibat dalam perbincangan dialektik yang mencetuskan kesedaran intelektual, khususnya dalam kalangan generasi muda. Melalui kesedaran ini, sikap tidak peduli terhadap hakikat tertinggi dalam keimanan dapat dihapuskan dan kecenderungan ragu terhadap agama dapat dirawat.

Jika dibandingkan dengan Al-Ghazali (1937), al-tazkiyah lebih tertumpu kepada penyucian hati sebagai syarat memperoleh ilmu yang benar. Dalam pendekatan Diraz, dimensi ini hadir tetapi dibentuk melalui metodologi memahami teks. Berbeza pula dengan Ibn Khaldun yang melihat perkembangan ilmu dalam kerangka sosial (Mohamad, 2017), al-tazkiyah Diraz berpusat pada interaksi intelektual individu dengan teks atau wahyu. Pendekatan al-Attas (2013) melalui konsep ta'dib pula menekankan pembentukan adab, sedangkan Diraz memusatkan perhatian pada pengukuhan keyakinan terhadap kebenaran mutlak al-Quran sebagai titik mula pembinaan ilmu.

Perbandingan ini memperlihatkan bahawa al-tazkiyah dalam tradisi pemikiran Islam boleh beroperasi pada aras rohani, sosial, moral dan epistemik, bergantung pada titik tumpu yang diambil. Dalam kerangka yang menempatkannya pada interaksi intelektual dengan teks wahyu atau ilmu, al-tazkiyah beralih daripada makna penyucian jiwa semata-mata kepada pemurnian cara berfikir ketika berhadapan dengan teks itu sendiri. Implikasinya terhadap pendidikan Islam sangat signifikan, kerana proses memahami teks itu sendiri menjadi ruang latihan penyucian pemikiran, pembinaan keyakinan, dan pembentukan hujah yang tersusun. Pendekatan ini menjadikan al-tazkiyah hadir secara fungsional dalam aktiviti pembelajaran, bukan sebagai nilai moral tambahan, tetapi sebagai mekanisme epistemologi yang membentuk bagaimana ilmu diterima, difahami dan diyakini.

Dalam konteks pendidikan Islam moden, pendekatan ini memberi implikasi langsung terhadap pembinaan kurikulum dan pedagogi. Proses pendidikan boleh dibina melalui latihan analisis teks, refleksi makna dan pengukuhan keyakinan epistemik pelajar terhadap sumber ilmu. Al-Tazkiyah berfungsi sebagai asas pembentukan cara berfikir yang tersusun, bukan sekadar nilai moral sampingan dalam proses pendidikan.

## **5.2 Strategi Kedua: Gabung jalin topik-topik perbahasan dengan matlamat utama iaitu al-tazkiyah.**

Dalam karya ini, didapati Dirāz telah membina hujahnya melalui integrasi beberapa bidang ilmu secara serentak. Sejarah, sains kemanusiaan, analisis linguistik dan struktur teks tidak dipisahkan sebagai bab yang berdiri sendiri, tetapi digabungkan dalam satu aliran hujah yang membawa pembaca kepada matlamat akhir, iaitu al-tazkiyah. Integrasi ini tidak dibentuk melalui tema luaran, sebaliknya muncul daripada cara beliau melihat aspek kebenaran wahyu secara langsung, yang kemudian melahirkan satu kesatuan makna dan tujuan.

Pendekatan ini boleh dibandingkan dengan Model Integrated oleh Fogarty & Pete (2009) dalam *How to Integrate the Curricula*. Fogarty menghuraikan integrasi sebagai proses “kaleidoskop”, iaitu unsur daripada pelbagai disiplin bercantum lalu

membentuk corak baharu. Unsur penting model ini ialah sifat induktif, apabila integrasi “tumbuh” daripada kandungan disiplin itu sendiri, bukan dipaksa melalui tema luar. Prinsip ini selari dengan cara Diraz, apabila kesatuan antara disiplin muncul daripada teks al-Quran sendiri, bukan daripada rangka konseptual yang ditentukan terlebih dahulu.

### **1. Contoh I: Persejaraan**

Antara contoh yang dibawakan oleh Diraz dalam aspek ini adalah peristiwa Aisyah RA yang telah dituduh melakukan sesuatu yang jijik sehingga menimbulkan rasa resah dalam diri Baginda SAW kerana menunggu wahyu agar menjelaskan perkara sebenar yang berlaku. Dalam hal ini, Diraz tidak sekadar mengulang naratif sejarah. Beliau mengangkat peristiwa itu menjadi asas hujah rasional tentang sumber wahyu. Soalan yang dibina oleh beliau berfungsi untuk menilai kemungkinan bahawa al-Quran berasal daripada Nabi SAW.

Beliau menimbulkan persoalan iaitu jika benar al-Quran itu adalah ciptaan Muhammad SAW, maka mengapa Baginda tidak mencipta sahaja wahyu yang dapat membersihkan diri dan isterinya daripada tuduhan tersebut. Sebaliknya Baginda terpaksa menantikannya hampir tiga puluh hari tiga puluh malam.

“Maka apakah yang menghalangnya –sekiranya urusan al-Quran tersebut terletak pada dirinya- untuk beliau terlebih dahulu menuturkan ayat tersebut sebelumnya. Bahkan ia lebih menjaga maruah dan melindungi ketinggian dirinya, lalu menisbakkannya kepada wahyu dari langit bagi menutup mulut para pemfitnah. Namun Rasulullah SAW sama sekali tidak membenarkan dirinya melakukan pendustaan terhadap orang lain apatah lagi kepada Tuhannya.” (Diraz, 2017)

Fungsi sejarah di sini berubah daripada penceritaan kepada alat pembinaan keyakinan. Ia menghubungkan peristiwa, logik, dan akidah dalam satu aliran hujah yang membawa kepada penyucian keyakinan (tazkiyah al-i'tiqad).

### **2. Contoh II: Fitrah & Sains Kemanusiaan**

Diraz kemudian beralih kepada fenomena fizikal ketika wahyu diturunkan kepada Nabi SAW. Beliau menghuraikan perubahan tubuh seperti wajah memerah, peluh yang menitis, dan tubuh yang terasa berat sebagai data pemerhatian. Daripada fenomena ini, beliau membina siri persoalan untuk menolak kemungkinan bahawa pengalaman tersebut boleh dijelaskan melalui faktor semula jadi fisiologi atau rekaan diri.

“Sekarang mari kita perhatikan fenomena ini: Adakah ia suatu sandiwara yang dicipta dan berlaku setelah menempa jalan persediaan yang menghimpunkan daya tumpuan yang tinggi? Atau ia suatu perkara yang tiada pilihan? Sekiranya tanpa pilihan, adakah fenomena yang terzahir ini adalah disebabkan oleh sebab-sebab yang normal seperti rasa mengantuk atau sebab-sebab semula jadi yang tidak normal seperti gangguan mental? Atau adakah ia ialah reaksi disebabkan faktor luar tanpa berkaitan dengan daya diri seseorang?” (Diraz, 2017)

Perbincangan ini menggabungkan pemerhatian fizikal dengan analisis rasional sehingga membawa kepada kesimpulan bahawa wahyu berada di luar kawalan manusia, sekali gus mengukuhkan keyakinan terhadap sifat ilahi al-Quran.

### 3. Contoh III: Struktur al-Quran


Diraz seterusnya membahaskan keunikan struktur al-Quran dari sudut luaran dan dalaman. Dari segi luaran, beliau menekankan keindahan bunyi dan ritma yang tidak dapat ditandingi oleh puisi Arab. Dari segi dalaman, beliau menunjukkan kesatuan makna dalam Surah al-Baqarah walaupun mengandungi pelbagai topik yang berbeza.

Antara tujuan al-tazkiyah yang dapat dicapai menerusi dimensi ini ialah dapat memperkuat keyakinan bahawa al-Quran bukanlah hasil ciptaan manusia, tetapi merupakan mukjizat Ilahi yang melampaui kemampuan manusia termasuk golongan yang paling mahir dalam sastera Arab. Keunikan struktur luaran al-Quran ini menimbulkan kesedaran dan kekaguman dalam jiwa pembacanya, sekali gus membersihkan hati mereka daripada keraguan terhadap keaslian wahyu dan menanamkan keimanan yang tulus kepada Allah SWT. Diraz menegaskan:

"Ia benar-benar seakan tiram yang menyimpan mutiara berharga. Padanya terpancar kekuasaan Tuhan yang menetapkan agar rahsia-rahsia agung itu tersembunyi di sebalik layar yang tidak putus-putus memantulkan keindahan juga mendatangkan keasyikan. Agar dengannya menjadi sebab untuk al-Quran terus terjaga dan kekal sekalipun sentiasa terdapat saingan bagi mengatasinya. Lihatlah bagaimana Tuhan menjadikan kurniaan makanan serta hubungan kasih-sayang sebagai penerus kepada kelangsungan hidup manusia sama ada terhadap individu mahupun masyarakat manusia. Maka demikianlah apabila Dia mengkehendaki agar kesekian ilmu yang begitu luas itu terkandung di dalam al-Quran, Dia juga menetapkan suatu binaan yang akan menyebabkan manusia jatuh hati dengan keasyikannya serta membangkitkan kekaguman terhadap keindahannya." (Diraz, 2017)

Dari sudut dalaman pula, Diraz membahaskan berkenaan struktur makna yang digabung jalin dalam al-Quran biarpun ada di antara kelompok makna tersebut saling tidak berkaitan, namun dihubungkan dengan halus dan teliti. Susunan sedemikian, berdasarkan pembuktian secara saintifik dan perbahasan ilmiah yang telah dilakukannya menerusi surah terpanjang dalam al-Quran iaitu Surah al-Baqarah, tidak sama sekali dapat dilakukan oleh manusia yang paling cerdas. Ia adalah kuasa yang hanya dimiliki oleh Allah yang telah menurunkan al-Quran kepada umat manusia. Lalu beliau menyimpulkan lagi:

"Itulah dia Surah al-Baqarah. Tidakkah kita dapat melihat kesatuan tersebut di sebalik topiknya yang pelbagai? Tidakkah kita telah pun menyedari bagaimana garis-garisnya itu terarah dalam satu paparan yang lengkap? Sesungguhnya setiap batu bata yang disusun itu saling melekat sekalipun tanpa campuran simen yang diguna bagi menghubungkannya. Kubahnya itu dibangunkan tanpa sebarang tiang yang menyokongnya. Kepala, dada, bahagian dalam serta organ luarannya tersusun rapi. Tidak cukup untuk kita mengatakan ia secantik-cantik anak patung, bahkan ia adalah seindah-indah paparan yang benar-benar hidup. Setiap nukleus berada tepat pada selnya, manakala setiap sel berada pada organnya, setiap organ pula berada pada sistemnya dan setiap sistem tersusun rapi pada setiap bahagian tubuh badannya. Setiap satu berteriak memberitahu bahawa ia telah berada di posisi yang telah diagih berdasarkan pelan yang telah dirancang dengan penuh rapi oleh Tuhan yang telah mendidik dan menyucikan jiwa para hamba, menerangi dan menunjukkan jalan buat akal fikiran, serta yang membimbing dan mendorong sekalian yang wujud." (Diraz, 2017)




Rajah 2 Gabung jalin Kandungan dan al-Tazkiyah

## 6.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN


Dalam karya al-Naba' al-'Azīm ini, Dirāz telah menunjukkan bagaimana disiplin ilmu tidaklah terpisah kepada blok yang berdiri sendiri. Sejarah, fitrah manusia dan analisis struktur al-Quran digerakkan dalam satu aliran hujah yang sama, lalu semuanya berfungsi sebagai jalan kepada satu matlamat akhir. Dalam konteks ini, beliau telah memberikan penumpuan terhadap tema atau elemen al-tazkiyah. Cara ini menunjukkan bahawa maklumat daripada proses pendidikan tidaklah hanya untuk dibentang dan dihimpunkan, tetapi untuk disusun semula supaya membentuk kesedaran yang lebih tinggi dalam diri pembaca.

Pendekatan ini dapat dilihat dengan jelas dalam huraian beliau terhadap peristiwa fitnah terhadap Aisyah binti Abu Bakar RA, fenomena penerimaan wahyu serta kesatuan struktur dalam Surah al-Baqarah. Dalam ketiga-tiga contoh ini, unsur sejarah, pemerhatian fizikal dan analisis bahasa tidak berdiri sebagai maklumat terasing, tetapi saling bergerak menuju satu kesimpulan yang sama, iaitu penafian kemungkinan bahawa al-Quran bersumber daripada manusia. Pergerakan ini menghasilkan satu bentuk kesatuan makna yang tidak terhasil daripada pengumpulan fakta, tetapi daripada penyusunan hujah yang berlapis dan saling menguatkan.

Di sini, pendekatan Diraz dilihat terdapat keserasian yang kuat dengan Model Integrated oleh Robin Fogarty (2009). Fogarty menghuraikan integrasi sebagai proses apabila konsep daripada pelbagai disiplin bertindih secara semula jadi, lalu membentuk satu kesatuan makna baharu. Integrasi ini tidak berlaku melalui penggabungan luaran atau tema yang dipaksakan, tetapi melalui penemuan titik persamaan yang wujud dalam kandungan itu sendiri (Rajah 1). Dalam konteks Diraz, titik persamaan tersebut muncul antara sejarah, sains kemanusiaan dan analisis teks, yang semuanya berfungsi untuk mengukuhkan keyakinan terhadap wahyu (Rajah 2).



Rajah 3 Model Integrated (Fogarty, 2009)



Rajah 3 Strategi Integrasi (Diraz, 2013)

Hal ini turut seiring dengan pendekatan al-Ghazali (1937) dalam lhya Ulum al-Din. Dalam Kitab al-'Ibadat, perbincangan hukum tidak dibiarkan kekal pada tahap teknikal atau cabang fiqh semata-mata, tetapi disambungkan terus kepada tujuan pensyariaan, iaitu persiapan menuju akhirat, kesedaran terhadap penyakit hati serta kefahaman tentang hakikat dunia dan akhirat. Dengan cara ini, ilmu fiqh tidak berfungsi sebagai maklumat terasing, tetapi sebagai sebahagian daripada rangka yang lebih besar untuk membentuk jiwa.

Jika disusun dalam kerangka Fogarty, apa yang dilakukan oleh Diraz memperlihatkan ciri utama Model Integrated, iaitu penyatuan pelbagai disiplin atau subtopik melalui titik makna yang sama tanpa keperluan tema luaran. Dalam kedua-dua karya ini, integrasi tidak muncul sebagai teknik pengajaran, tetapi sebagai cara hujah dan cara memahami ilmu yang membawa kepada satu kesatuan tujuan: pembentukan kefahaman yang menyeluruh, bukan sekadar penguasaan maklumat yang terpisah.

Dari sudut pedagogi, model ini memperlihatkan kekuatan dalam membantu mengurangkan beban kurikulum yang terlalu padat kerana kandungan tidak lagi diajar secara terpisah, sebaliknya digabungkan melalui konsep yang sama merentas disiplin. Pendekatan ini juga menjadikan pembelajaran lebih dekat dengan realiti, apabila pelajar dapat melihat hubungan jelas antara bidang ilmu yang berbeza dan menghubungkannya dengan situasi kehidupan sebenar. Integrasi seperti ini membina kesinambungan kefahaman yang memberi momentum dalam proses pembelajaran, apabila satu konsep dalam satu bidang menyokong pemahaman dalam bidang yang lain. Namun begitu, Fogarty (2009) dalam hal ini menegaskan bahawa model ini bersifat kompleks dan tidak mudah dilaksanakan secara menyeluruh kerana ia memerlukan tahap kepakaran yang tinggi dalam kalangan guru, di samping keyakinan yang kukuh terhadap kandungan dan kemahiran dalam setiap disiplin yang terlibat.

## 7.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Al-Tazkiyah merupakan elemen yang sangat penting dalam pendidikan yang melibatkan penyucian dan pembangunan individu dalam aspek rohani, intelektual, fizikal serta emosi. Oleh itu, dalam penggubalan pelan pendidikan, pembinaan silibus pengajaran atau penyusunan modul pembelajaran, aspek al-tazkiyah sewajarnya diberikan perhatian bagi memastikan pendidikan yang dilaksanakan tidak hanya terhad kepada aspek teknikal dan luaran semata-mata, tetapi berpandukan kepada pendekatan yang lebih menyeluruh dan sistemik.

Dalam merealisasikan hal ini, implementasi oleh Dirāz dan Model Integrated oleh Fogarty boleh dijadikan asas serta panduan dalam menggabungkan pelbagai disiplin melalui titik persilangan konsep yang wujud secara semula jadi, sekali gus mengurangkan pemisahan ilmu. Pendekatan sedemikian membantu membina hubungan yang lebih jelas antara bidang pengetahuan, menjadikan pembelajaran lebih bermakna serta dekat dengan realiti. Apabila konsep-konsep ilmu dihubungkan secara bersepadu, ia bukan sahaja memudahkan kefahaman, malah berpotensi menyokong pembentukan nilai dan kesedaran dalaman yang selari dengan matlamat yang digariskan dalam pendidikan.

## 8.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis menyatakan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud atau berkaitan dengan penulisan artikel ini.

## 9.0 PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada semua pihak, sama ada individu mahupun institusi, yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam proses penyediaan artikel ini.

## 10.0 SUMBANGAN PENULIS

Kesemua penulis terlibat secara bersama dalam proses penulisan dan penyediaan artikel ini.

## 11.0 BIBLIOGRAFI

- \_\_\_\_\_. (2010). Al-imām al-mujaddid Muḥammad ‘Abd Allāh Dirāz: Sīrah wa fikr. Al-Qāhirah: Maktabah al-Īmān.
- \_\_\_\_\_. (2017). Perkhabaran agung: Pembuktian kebenaran al-Quran & kaedah baru memahaminya (H. Ali, Trans.). Selangor: Maqasid Resources.
- \_\_\_\_\_. (n.d.). Al-dīn: Buḥūth mumahhadah li dirāsah tārikh al-adyān. Kuwait: Dār al-Qalam.
- ‘Abd al-Raḥmān Badawī. (1984). Mawsū‘ah al-falsafah. Bayrūt: al-Mu‘assasah al-‘Arabiyah li al-Dirāsāt wa al-Nashr.
- ‘Abbās, Faḍl Ḥasan. (2016). Al-tafsīr wa al-mufassirūn: Asāsiyyātuhu wa ittijāhātuhu wa manāhijuhu fī al-‘aṣr al-ḥadīth (Vols. 1–3). Dār al-Nafā‘is li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-Attas, S. M. N. (2013). Risalah untuk kaum Muslimin. Dalam Himpunan risalah. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Al-Dhahabī, M. Ḥ. (1976). Al-tafsīr wa al-mufassirūn. Dār al-Fikr.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. (1937–1938). Iḥyā’ ‘ulūm al-dīn. Kaherah: Lajnat Nashr al-Thaqāfa al-Islāmiyya.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. (2011). Iḥyā’ ‘ulūm al-dīn (Vol. 1). Jeddah: Dār al-Minhāj.
- Al-Kilānī, Mājid ‘Arsān. (1995). Manāhij al-tarbiyah al-Islāmiyyah wa al-murabbūn al-‘āmilūn fīhā. Beirut: ‘Ālam al-Kutub.
- Al-Sayyid, A. Y. (2021). Al-tazkiyah li al-muṣliḥīn. Diperoleh daripada <https://www.noor-book.com/كتاب-التزكية-للمصلحين-pdf>
- Al-Zirikī, Khayr al-Dīn. (2002). Al-a‘lām: Qāmūs tarājim li-ashhar al-rijāl wa al-nisā’ min al-‘Arab wa al-musta‘ribīn wa al-mustashriqīn. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- Ayesha Rasheed. (2024). Character formation through Islamic educational traditions: A psychological and pedagogical framework. Contemporary Journal of Social Science Review, 2(4), 31–39. <https://doi.org/10.63878/cjssr.v2i04.1107>
- Bayūmī, Muḥammad Rajab. (1987). Al-naḥḍah al-Islāmiyyah fī siyar a‘lāmihā al-mu‘āṣirīn (Vol. 5). Majma‘ al-Buḥūth al-Islāmiyyah.
- Brenner, M. (2010). Prophets of the past: Interpreters of Jewish history (S. Rendell, Trans.). Princeton University Press.

- Dirāz, Muḥammad ‘Abd Allāh. (2013). Al-naba’ al-‘aẓīm: Naẓarāt jadīdah fī al-Qur’ān. Al-Qāhirah: Dār al-Qalam.
- El-Misawi, M. T. (2001). The Quranic phenomenon (5th ed.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Faḍliyyah, Aḥmad Muṣṭafā. (2007). Muḥammad ‘Abd Allāh Dirāz: Dirāsāt wa buḥūth bi-aqlām talāmidhatih wa mu‘āshirih. Al-Qāhirah: Dār al-Qalam.
- Fogarty, R. J., & Pete, B. M. (2009). How to integrate the curricula. Corwin Press.
- Ibn Jarīr al-Ṭabarī. (2001). Tafsīr al-Ṭabarī: Jāmi‘ al-bayān ‘an ta’wīl āy al-Qur’ān (Vol. 2). Giza: Dār Hijr.
- Ibn Manẓūr. (1967). Lisān al-‘Arab (Vol. 14). Beirut: Dār ṣādir.
- Ibn Nabī, Mālik. (2000). Al-zāhirah al-Qur’āniyyah (‘A. al-ṣabūr Shāhīn, Trans., 5th ed.). Dimashq: Dār al-Fikr.
- ‘Imārah, Muḥammad. (1996). Al-tafsīr al-Marksī li al-Islām. Al-Qāhirah: Dār al-Shurūq.
- Mohamad, M. (2017). The educational and psychological aspects in the “Introduction” of Ibn Khaldun. *Journal of Educational and Psychological Studies*, 11(3), 586–593. <https://doi.org/10.24200/jeps.vol11iss3pp586-593>
- Muslim ibn al-Ḥajjāj. (1955). Ṣaḥīḥ Muslim (M. F. ‘Abd al-Bāqī, Ed.). Beirut: Maṭba‘ah ‘Īsā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Nurulhayati, E. L., Ghani, S. J., & Kurahman, O. T. (2025). Konsep tazkiyah al-nafs dalam pendidikan Islam dan relevansinya dengan teori self-actualization Abraham Maslow. *As-Sulthan Journal of Education*, 2(2), 70–80.
- Plato. (1921). The Theaetetus. Dalam H. N. Fowler (Trans.), *Plato in twelve volumes* (Vol. 12). Harvard University Press; William Heinemann.
- Rashwānī, Sāmīr ‘Abd al-Raḥmān. (2009). Manhaj al-tafsīr al-mawḍū‘ī li-l-Qur’ān al-karīm: Dirāsah naqdiyyah. Ḥalab: Dār al-Multaqā.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2013). Risalah untuk kaum Muslimin. Dalam *Himpunan risalah*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Zirikī, Khayr al-Dīn. (2002). Al-a‘lām: Qāmūs tarājim li-ashhar al-rijāl wa al-nisā’ min al-‘Arab wa al-musta‘ribīn wa al-mustashriqīn. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.